

Pusat Alumni UMS lancar Model Alumni Inspirasiku 1.0

NST 23.1.18 2

KOTA KINABALU: Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini melancarkan Model Alumni Inspirasiku (AI 1.0) yang bakal menjadi medium perantara bagi alumni UMS untuk saling berhubung dan mengenali serta membantu dalam menjayakan program yang dirancang sepanjang tahun.

Pengarah Pusat Alumni UMS, Darwis Awang ketika menyampaikan taklimat berkenaan model tersebut menjelaskan, Model AI 1.0 dilihat

mampu mencetus satu tindakan dalam memartabatkan Alumni UMS yang kini berjumlah 61,536 melalui keterlihatan dan penglibatan para alumni.

“Melalui model ini juga, para alumni UMS boleh memasarkan kepakaran mereka melalui Web Alumni, serta meluaskan jaringan dan membangunkan jenama sendiri melalui UMS,” katanya

Tambah beliau, Model AI 1.0 itu dijangka memberi hasil dalam meningkatkan Alumni

UMS dari segi keterlihatan, keterlibatan, imej ikon, dan imej sosial serta membantu UMS dalam meningkatkan status tersendiri di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin memuji inisiatif Model AI 1.0 yang dilihat sebagai satu sistem yang membantu perhubungan dengan alumni-alumni UMS.

Lihat Muka 3